



KENYATAAN POLISI ANTIRASUAH LEMBAGA PELABUHAN KELANG


Lembaga Pelabuhan Kelang (LPK) sebagai sebuah badan kawal selia pelabuhan di Pelabuhan Klang bertekad untuk memacu pembangunan industri pelabuhan/maritim di Pelabuhan Klang seiring dengan hasrat untuk meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan, mengukuhkan mekanisme tadbir urus terbaik dan memastikan persekitaran kerja yang berintegriti serta bebas rasuah.

Bersesuaian dengan aspirasi nasional untuk dikenali kerana integriti dan bebas rasuah, LPK telah melancarkan Polisi Antirasuah yang bermatlamatkan aspirasi yang sama. LPK komited membentuk Pelabuhan Klang sebagai sebuah pelabuhan berprestij yang dibina dengan integriti dan bebas dari amalan rasuah.

Polisi Antirasuah ini menetapkan parameter untuk mencegah, mengesan dan bertindak balas ke atas sebarang bentuk perbuatan rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa berkaitan dengan LPK. LPK berjanji tidak akan bertolak ansur terhadap apa-apa bentuk perlakuan rasuah dan salah guna kuasa dalam melaksanakan kawal selia serta operasinya. Bagi mencapai matlamat bebas rasuah LPK beriltizam untuk:

- i. menghalang, menolak serta menghapus sebarang bentuk permohonan dan permintaan mahupun apa jua tindakan yang dilihat mampu mewujudkan unsur-unsur penyelewengan dan rasuah;
- ii. memastikan pelaksanaan pematuhan Akta Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694) dan undang-undang/peraturan berkaitan serta memberi kerjasama penuh kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dalam membendung segala bentuk perlakuan rasuah di LPK;
- iii. memastikan polisi ini selaras dengan hala tuju LPK untuk memastikan segala ruang dan peluang rasuah ditutup;
- iv. mewujudkan proses yang boleh mengenalpasti dan menganalisa aktiviti LPK dalam memenuhi kehendak Sistem Pengurusan Antirasuah (ISO 37001:2016);
- v. mengenal pasti, mengkaji kelemahan dan menambahbaik sistem dan prosedur kerja yang boleh membuka ruang dan peluang kepada perlakuan rasuah, penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan;
- vi. menyediakan saluran kepada warga LPK dan pihak-pihak yang berkepentingan untuk melaporkan sebarang salah laku rasuah dalam LPK melalui *Port Klang Authority's Whistleblowing Policy* serta memastikan maklumat berhubung perlakuan rasuah dan identiti pemberi maklumat dilindungi selaras dengan Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 (Akta 711);
- vii. memastikan penilaian semula dan penambahbaikan Sistem Pengurusan Antirasuah dilaksanakan secara berterusan;
- viii. mewujudkan Fungsi Pematuhan yang mempunyai kuasa dan bebas untuk memantau pematuhan kepada Sistem Pengurusan Antirasuah dan melaporkan kepada pihak Pengurusan Tertinggi;
- ix. mengambil tindakan sewajarnya ke atas mana-mana warga LPK dan pihak-pihak yang berkepentingan yang didapati gagal mematuhi Polisi Antirasuah ini.

Dengan adanya komitmen dan tekad ini, LPK percaya dapat mencapai aspirasinya agar Pelabuhan Klang dikenali di persada antarabangsa dengan prestasi yang cemerlang, berintegriti dan bebas rasuah.



KAPT. K. SUBRAMANIAM
Pengurus Besar
Lembaga Pelabuhan Kelang

15 April 2023